

22/09/1997

MAM kemuka 6 cara elak HIV

KOTA BHARU, Ahad - Majlis Aids Malaysia (MAM) mengemukakan enam cara bagi membantu mengelakkan golongan wanita di negara ini daripada jangkitan virus HIV, yang membawa kepada penyakit Aids.

Presidennya, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata MAM memberi tumpuan kepada wanita memandangkan kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati golongan itu paling banyak menghidap dan dijangkiti Aids, mencapai 10.5 juta di seluruh dunia.

"Kita akan berikhtiar mencari jalan untuk mencegah gejala ini daripada terus merebak" katanya ketika menyampaikan ceramah di Seminar Wanita dan HIV/AIDS di sebuah hotel di sini, semalam.

Beliau menyampaikan ceramah bertajuk: HIV/Aids - Suatu Cabaran Untuk Wanita. Hadir sama, Timbalan Dekan Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Nafisah Adeeb dan Pengarah Pusat Motivasi Wanita Malaysia, Zaiton Zainal Abidin.

Enam cara disarankan MAM bagi menghindari daripada jangkitan AIDS ialah menjamin pendidikan mencukupi untuk wanita, termasuk memberi pendedahan mengenai institusi kekeluargaan, kesihatan dan kemahiran melindungi diri; mengadakan perkhidmatan khusus untuk wanita termasuk membuat ujian antibodi HIV dan kaunseling.

(END)